



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**17 Februari 2022**

### **MCMC DAN SARAWAK MULTIMEDIA AUTHORITY (SMA) KAJI KADEAH SESUAI SELESAIKAN KEPERLUAN CAPAIAN INTERNET YANG LEBIH EFEKTIF UNTUK RUMAH PANJANG SUING, ULU KEMALIH DI PAKAN, SARAWAK**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil maklum dan bersimpati dengan kesusahan yang dihadapi oleh seorang pelajar dari Pakan, Sarawak yang terpaksa mendaki bukit semata-mata untuk mengikuti sesi temu ramah bagi kemasukan ke sebuah universiti tempatan akibat masalah capaian Internet di rumah panjang beliau seperti yang dilaporkan media baru-baru ini.

Berdasarkan maklumat yang diterima, perkhidmatan Internet Wifi sedia ada di rumah panjang Suing, Teberu, Ulu Kemalih, Pakan adalah di bawah projek *Sarawak Linking Urban Rural and Nation* (SALURAN Wifi) merupakan inisiatif daripada pihak kerajaan negeri melalui Sarawak Multimedia Authority (SMA).

SALURAN Wifi adalah perkhidmatan Internet yang menggunakan teknologi satelit dan mampu memberikan purata kelajuan sehingga 25Mbps. Perkhidmatan tersebut disediakan sebagai langkah interim bagi memberikan liputan Internet kepada penduduk di rumah panjang Suing dan sekitarnya. Untuk langkah jangka masa panjang, sebuah menara baharu telah dirancang untuk dibina pada tahun ini oleh pihak Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) untuk memberikan liputan 4G di kawasan tersebut.

Pihak MCMC akan bekerjasama dengan SMA untuk mengenal pasti kaedah capaian yang lebih sesuai bagi memastikan tahap kualiti pengalaman (Quality of Experience) ke atas perkhidmatan Internet Wifi SALURAN sedia ada di rumah panjang Suing.

Langkah tersebut penting bagi membolehkan para penduduk setempat termasuk pelajar yang terkesan itu dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran selain melaksanakan urusan sehari-hari dengan lancar.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV